

Peraduan silat antara k-undi: Persisi halus

27 MAY 1979

Berita Minggu

Pencak Silat

PERSEKUTUAN Silat Singapura ebihlanjut mengenai ura-ura untuk menganjurkan pertandingan silat antara kawasan-undi pada tahun ini dalam mesyuarat mereka yang dijadualkan berlangsung pada 3 Jun ni.

Perbincangan ini difahamkan akan melibatkan sistem markah, soal-soal teknikal dan lain-lainnya.

Pelindung badan

Setiausaha persekutuan itu, Encik Johari Uriff menerangkan bahawa jawatankuasanya akan membincangkan dengan mendalam soal-soal tersebut dan sebuah jawatankuasa penganjur akan dilantik bagi menguruskan pertandingan yang pertama kali dijalankan oleh mereka.

Tetapi dia tidak menjelaskan lebih lanjut mengenai sistem dan soal-soal yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu nanti.

Berita Minggu difahamkan bahawa undang-undang dan peraturan pertandingan ini merupakan salah satu persoalan

yang akan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Oleh kerana pertandingan initerbuka kepada semua jenis silat, adalah difahamkan bahawa peraturan pertandingan ini akan mendapat tempat utama dalam perbincangan yang akan dipengerusikan oleh timbalan presidennya, Encik Sidek Saniff.

Antara peraturan itu ialah pemberian markah terhadap pukulan-pukulan perlawanan. Selain dari itu, perbincangan ini juga akan menentukan bahagian-bahagian badan yang boleh dijadikan sasaran pukulan dalam pertandingan itu.

Difahamkan juga bahawa semua peserta pertandingan ini dikehendaki menggunakan alat pelindung badan untuk mengelakkan sebarang kecederaan. Ini sama seperti pertandingan taekwon do dan pugilistic yang dijalankan di sini oleh lain-lain pertubuhan seni mempertahankan diri.

Sejauh ini Persisi belum lagi memutuskan tarikh dan bila pertandingan itu akan dijalankan dan juga peralatan yang akan ditetapkan untuk kejohanan pertama mereka.

Soal-soal ini difahamkan akan diputuskan selepas mesyuarat menentukan peraturan yang disyulkan oleh mereka itu nanti.

Ulangtahun

30 MAY 1979
GABUNGAN Seni Tari dan Pencak Sunda akan menyambut ulangtahunnya yang kedua di gelanggang nombor 6, Jalan Mustika, Kaki Bukit, pada Ahad ini mulai 8.00 malam.

Peluang saksikan silat2 Indonesia

-7 JUN 1979

Pencak Silat

PEMINAT-peminat silat tempatan mungkin berpeluang menyaksikan kehandalan pesilat-pesilat dari Indonesia bila satu rombongan seramai 20 orang pesilat negara jiran itu berkunjung ke Singapura dari 29 Jun hingga 1 Julai depan.

Walaupun lawatan itu belum lagi disahkan tetapi Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telahpun membuat persiapan untuk menyambut rombongan silat yang pertama dari Indonesia untuk mengadakan pertunjukan di sini dalam konteks silat sebagai cabang sukan.

Setiausaha agung Persisi, Encik Johari Urif, menerangkan bahawa rombongan tersebut adalah anggota dari Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) dan mereka akan mengada-

Oleh SUMADI SARKAWI

kan demonstrasi dan mungkin juga pertandingan persahabatan dengan pesilat-pesilat tempatan.

"Kami akan mengaturkan perlawanan persahabatan antara anggota rombongan itu dengan ahli silat tempatan. Kami akan mengumumkan tempat pertandingan dan pertunjukan dari rombongan ini tidak lama lagi," katanya.

Selain dari itu, besar kemungkinan Singapura akan mengadakan pertunjukan silat ketika Sukan Asia Tenggara yang dijadualkan berlangsung di Jakarta pada September depan.

Jika Singapura mengambil bahagian dalam pertunjukan itu, empat jenis silat yang akan dikemukakan

ialah silat gayung Perwanit, Kuningan, cekak dan kantau Melaka.

Singapura akan menghantar satu rombongan seramai 10 orang pesilat dan tiga orang pegawai dan besar kemungkinan rombongan ini akan diketuai oleh timbalan presidennya, Encik Sidek Saniff.

Pegawai-pegawai Persisi akan mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai IPSI untuk membincangkan beberapa perkara seperti pembukuan silat tiga negara, pembangunan Persekutuan Silat Antarabangsa dan perbincangan mengenai undang-undang dan peraturan silat sebagai olahraga.

Mengenai Pesta Silat Kebangsaan, Encik Johari menerangkan bahawa pertandingan ini dijadualkan berlangsung pada November depan. Tarikh dan tempat pertandingan akan diumumkan nanti.